



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit
(Pemerbadanan) (Pindaan) 1989**

DR.2/1989

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) (Pindaan) 1989 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Seksyen 2 Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda—

Pindaan seksyen 2. Akta 179.

(a) dengan memasukkan sebelum sahaja takrif “ketua eksekutif”, takrif yang berikut:

“kenderaan” ertinya mana-mana kereta, vesel, kapal, pesawat udara atau apa-apa cara pengangkutan lain sama ada melalui udara, air atau darat;”;

- (b) dengan memotong takrif “Kumpulanwang Penyelidikan”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “dikeluarkan dari buah kelapa sawit atau biji kelapa sawit” dalam takrif “minyak kelapa sawit” dengan perkataan-perkataan “berasal atau dikeluarkan dari perikap buah kelapa sawit; dan termasuklah minyak, sama ada dalam bentuk mentah atau bentuk berproses, yang berasal atau dikeluarkan dari isirong buah kelapa sawit”.

Pindaan
seksyen 5.

3. Seksyen 5 Akta ibu dalam teks Inggeris adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “or” dalam subseksyen (1) dengan perkataan “of”.

Pindaan
seksyen 9.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “dan seksyen-kecil (6) seksyen 13” dalam seksyen 9.

Pindaan
seksyen 13.

5. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “menggantung” dalam nota birai, perkataan-perkataan “atau mengkensel”;
- (b) dengan memasukkan, selepas perkataan “digantung” dalam subseksyen (1), perkataan-perkataan “atau dikensel”;
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “pada masa penggantungan itu” dalam subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan “pada masa penggantungannya itu, atau mengkensel lesennya”;
- (d) dengan memasukkan, selepas perkataan “digantung” dalam subseksyen (4), perkataan-perkataan “atau dikensel”;

- (e) dengan memasukkan, selepas subseksyen (5), subseksyen (6) yang berikut:

“(6) Mana-mana orang yang, semasa tempoh penggantungan lesennya atau selepas pengkenselan lesennya di bawah subseksyen (3), menjalankan apa-apa kegiatan yang dibenarkan di bawah lesen itu adalah melakukan suatu kesalahan.”.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 13, seksyen 13A yang berikut:

Seksyen baru 13A.

“Penyiaran tentang penggantungan dan pengkenselan lesen. 13A. Ketua eksekutif hendaklah menyebabkan disiarkan dalam apa-apa penerbitan atau penerbitan-penerbitan sebagaimana yang disifatkannya patut, nama dan alamat mana-mana pemegang lesen yang lesennya telah digantung atau dikensel di bawah subseksyen (3) seksyen 13.”.

7. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas perkataan “menggantung”, perkataan-perkataan “atau mengkensel”.

Pindaan seksyen 14.

8. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 15.

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan “dan Kumpulanwang Penyelidikan” dalam nota birai;
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan “, lain daripada pemberian-pemberian kepada Kumpulanwang Penyelidikan” dalam perenggan (a) subseksyen (2);
- (c) dengan memotong perkataan-perkataan “, kecuali wang yang dipungut atau dibayar menurut seksyen-kecil (3) seksyen 16” dalam perenggan (f) subseksyen (2);
- (d) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan (a) subseksyen (3); dan

- (e) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (b) subseksyen (3) dengan perkataan “; dan” dan memasukkan selepas itu perenggan (c) yang berikut:

“(c) tertakluk kepada kelulusan Menteri yang diberi selepas diminta pendapat Menteri Kewangan, membuat sumbangan kepada mana-mana organisasi, sama ada tempatan atau antarabangsa, bagi maksud menggalakkan pemasaran keluaran kelapa sawit.”.

Pindaan
seksyen 16.

9. Seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “minyak kelapa sawit dan ses penyelidikan” dalam nota birai dengan perkataan-perkataan “keluaran kelapa sawit”.

Pindaan
seksyen 23.

10. Seksyen 23 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “kereta, buku, dokumen atau barang-barang lain” dengan perkataan-perkataan “keluaran kelapa sawit, kenderaan, jentera, perekaan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang-barang lain”.

Seksyen
baru 24A.

11. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 24, seksyen 24A yang berikut:

“Kuasa
melakkan
keluaran
kelapa
sawit, dll.

24A. (1) Jika dalam menjalankan kuasa-kuasa di bawah seksyen 23 atau seksyen 24, didapati oleh Merinyu Minyak Kelapa Sawit atau pegawai kastam bahawa oleh kerana saiz, jenis atau amaunnya, adalah tidak praktikal untuk memindahkan mana-mana keluaran kelapa sawit, kenderaan, jentera, perekaan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang-barang lain yang digunakan dalam perlakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, maka Merinyu Minyak Kelapa Sawit atau pegawai kastam itu boleh, dengan persetujuan ketua eksekutif atau mana-mana pegawai yang diberikuasa

oleh ketua eksekutif bagi maksud itu, dengan apa-apa cara melakkan keluaran kelapa sawit, kenderaan, jentera, perekaan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang-barang lain dalam premis di mana ia dijumpai atau melakkan premis itu.

(2) Mana-mana orang yang, tanpa kuasa yang sah, memecah, mengubah atau merosakkan apa-apa pelakan yang dikenakan di bawah subseksyen (1) atau memindahkan keluaran kelapa sawit, kenderaan, jentera, perekaan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang-barang lain atau cuba berbuat sedemikian adalah melakukan suatu kesalahan.”.

12. Seksyen 25 (1) adalah dipinda—

Pindaan
seksyen
25 (1).

- (a) dengan memasukkan, selepas perkataan-perkataan “sedang membawa apa-apa barang”, perkataan-perkataan “keluaran kelapa sawit, jentera, perekaan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, atau apa-apa barang lain”; dan
- (b) dengan memasukkan, selepas perkataan-perkataan “menyita kenderaan itu dan apa-apa”, perkataan-perkataan “keluaran kelapa sawit, jentera, perekaan, kelengkapan, rekod,”.

13. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 26 dengan yang berikut:

Pindaan
seksyen 26.

“Pegawai penyita hendaklah menyediakan suatu senarai benda-benda yang disita.

26. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), jika mana-mana keluaran kelapa sawit, kenderaan, jentera, perekaan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang-barang lain disita di bawah Bahagian ini, pegawai penyita hendaklah menyediakan suatu senarai

benda-benda yang disita dan dengan sertamerta menyerahkan satu salinan yang ditandatangani olehnya kepada penghuni premis yang telah digeledah di bawah seksyen 23 atau 24, atau kepada ejen atau pengkhidmatnya di premis itu dan jika ada kenderaan disita, orang yang secara fizikal mengawal kenderaan itu.

(2) Jika premis itu tidak didiami, maka pegawai penyita hendaklah bilamana mungkin melekatkan senarai benda-benda yang disita di premis itu.”.

Seksyen
baru 27A.

14. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 27, seksyen 27A yang berikut:

“Pemula-
ngan
sementara
kenderaan,
dll.

27A. (1) Jika apa-apa kenderaan, jentera, perekaan atau kelengkapan disita di bawah Akta ini, maka mahkamah boleh buat sementara memulangkan kenderaan, jentera, perekaan atau kelengkapan itu kepada pemunyanya atau kepada orang yang dari milikan, penjagaan atau kawalan ia disita, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dikenakan oleh mahkamah dan, tertakluk, bagaimanapun kepada sekuriti yang cukup diberikan hingga memuaskan hati mahkamah bahawa kenderaan, jentera, perekaan atau kelengkapan itu hendaklah diserahkan kepada mahkamah bila diminta dan bahawa terma-terma dan syarat-syarat tersebut, jika ada, hendaklah dipatuhi.

(2) Mana-mana orang yang—

(a) tidak menyerahkan bila diminta kepada mahkamah akan kenderaan, jentera, perekaan atau kelengkapan yang buat sementara dipulangkan kepadanya di bawah subseksyen (1); atau

- (b) tidak mematuhi atau melanggar mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1),

adalah melakukan suatu kesalahan.”.

15. Seksyen 28 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 28.

- (a) dengan memasukkan, selepas perkataan “penjualannya”, perkataan-perkataan “atau apa-apa kenderaan, jentera, perekaan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang-barang lain”; dan
- (b) dengan memasukkan, selepas perkataan-perkataan “dan bahawa keluaran kelapa sawit”, perkataan-perkataan “, kenderaan, jentera, perekaan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang-barang lain”.

16. Seksyen 29 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “keluaran kelapa sawit” dengan perkataan-perkataan “apa-apa keluaran kelapa sawit, kenderaan, jentera, perekaan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang-barang lain”.

Pindaan
seksyen 29.

17. Seksyen 30 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 30.

- (a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan-perkataan “keluaran kelapa sawit yang disita” dengan perkataan-perkataan “apa-apa keluaran kelapa sawit, kenderaan, jentera, perekaan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang-barang lain yang disita”; dan

- (ii) dengan memasukkan, selepas perkataan-perkataan “penjualannya”, perkataan-perkataan “, kenderaan, jentera, perekaan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang-barang lain”;
- (b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “penjualannya” di mana juga terdapat, perkataan-perkataan, “, kenderaan, jentera, perekaan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang-barang lain”;
- (c) dalam subseksyen (3)—
- (i) dengan menggantikan perkataan “Pengerusi” dengan perkataan-perkataan “ketua eksekutif”; dan
 - (ii) dengan memasukkan, selepas perkataan “penjualannya”, perkataan-perkataan “, kenderaan, jentera, perekaan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang-barang lain”; dan
- (d) dalam subseksyen (4)—
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “penjualannya” di mana terdapat, perkataan-perkataan “, kenderaan, jentera, perekaan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang-barang lain”; dan
 - (ii) dengan memasukkan, selepas perkataan-perkataan “dan bahawa keluaran kelapa sawit”, perkataan-perkataan “, kenderaan, jentera, perekaan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang-barang lain”.

LEMBAGA PENDAFTARAN DAN PELESENAN
MINYAK KELAPA SAWIT (PEMERBADANAN)
(PINDAAN)

9

18. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 30, seksyen 30A yang berikut:

Seksyen
baru 30A.

“Melepas- 30A. Walau apa pun seksyen 30 ketua
kan keluaran eksekutif boleh, jika disifatkannya patut,
kelapa sawit pada bila-bila masa mengarahkan bahawa
yang disita, apa-apa keluaran kelapa sawit atau hasil
dll. penjualannya, atau mana-mana kenderaan,
jentera, perekaan, kelengkapan, buku,
rekod, dokumen atau barang-barang lain yang
disita di bawah Bahagian ini dilepaskan
kepada orang yang dari milikan, penjagaan
atau kawalannya ia disita.”

19. Seksyen 31 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas perkataan “penjualannya”, perkataan-perkataan “, kenderaan, jentera, perekaan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang-barang lain”.

Pindaan
seksyen 31.

20. Seksyen 33 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “minyak kelapa sawit” di mana jua terdapat dengan perkataan-perkataan “keluaran kelapa sawit”.

Pindaan
seksyen 33.

21. Seksyen 34 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas subseksyen (2), subseksyen (3), (4) dan (5) yang berikut:

Pindaan
seksyen 34.

“(3) Seseorang Merinyu Minyak Kelapa Sawit atau pegawai kastam yang bertindak di bawah subseksyen (2) boleh membuat atau menyebabkan dibuat salinan-salinan atau cabutan-cabutan dari mana-mana buku atau dokumen dan salinan-salinan atau cabutan-cabutan sedemikian diperakukan sebagai salinan-salinan atau cabutan-cabutan dari yang asal oleh Merinyu Minyak Kelapa Sawit atau pegawai kastam hendaklah ditandatangani timbal oleh orang, yang disebut di

bawah subseksyen (2) dan, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, hendaklah disifatkan sebagai salinan-salinan dan cabutan-cabutan yang benar dari yang asal dan bolehlah diterima sebagai keterangan.

(4) Mana-mana Merinyu Minyak Kelapa Sawit atau pegawai kastam boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang disangkakan tahu akan fakta-fakta dan hal keadaan kes dan hendaklah mengubah apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa sedemikian ke dalam bentuk bertulis dan orang itu hendaklah, dengan sedaya upayanya menjawab semua soalan yang berhubungan dengan kes itu, yang diajukan kepadanya oleh Merinyu atau pegawai itu:

Dengan syarat bahawa orang itu boleh menolak dari menjawab mana-mana soalan yang jawapannya berkemungkinan mempunyai kecondongan untuk mendedahkannya kepada pertuduhan jenayah atau penalti atau perlucuthakan.

(5) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah subseksyen (4) hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat keseluruhan atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan-soalan.”.

Seksyen
baru 35A.

22. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 35 dalam Bahagian IV, seksyen 35A yang berikut:

“Kesalahan pelbagai. 35A. Mana-mana orang yang secara fraudan mengubah mana-mana lesen, buku, rekod, atau dokumen-dokumen lain yang dikeluarkan atau yang dikehendaki disimpan di bawah Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi enam bulan atau didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya.”.

23. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, sebelum seksyen 36 dalam Bahagian V, seksyen 35B yang berikut:

Seksyen
baru 35B.

“Merinyu 35B. Jika seseorang Merinyu Minyak Kelapa Sawit menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini, maka dia hendaklah mengisytiharkan jawatan dan kuasanya dan mengemukakan untuk pemeriksaan kad pengenالannya yang memperlihatkan jawatannya.”.

24. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 36, seksyen 36A yang berikut:

Seksyen
baru 36A.

“Kesalahan 36A. Mana-mana orang yang—

kerana
menyerang
atau
menggalang
Merinyu
Minyak
Kelapa Sawit
atau pegawai
kastam, atau
menyelamat-
kan keluaran
kelapa sawit,
dsb. yang
disita.

(a) menyerang atau menggalang mana-mana Merinyu Minyak Kelapa Sawit atau pegawai kastam dalam menjalankan kuasa-kuasa dan tugas-tugasnya di bawah Akta ini;

(b) menyelamatkan atau berusaha menyelamatkan mana-mana keluaran kelapa sawit, kenderaan, jentera, perekaan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, atau barang-barang lain yang telah disita; atau

(c) sebelum atau selepas apa-apa penyitaan menyebabkan kehilangan, atau merosakkan atau memusnahkan, mana-mana keluaran kelapa sawit, kenderaan, jentera, perekaan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang-barang lain untuk mengelakkan dari disita atau diduplikatnya,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi enam bulan atau

didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya.”.

Seksyen
baru 37A.

25. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 37, seksyen 37A yang berikut:

“Pengecua-
lian dari-
pada tang-
gungan.

37A. Baik ketua eksekutif, mana-mana pegawai Lembaga mahu pun mana-mana pegawai kastam boleh dipertanggungkan bagi apa-apa kerugian, kecederaan atau kerosakan terhadap mana-mana orang atau harta berikutan dari penjalanan kuasa-kuasa dan tugas-tugasnya di bawah Akta ini, melainkan jika kerugian, kecederaan atau kerosakan itu dilakukan dengan sengaja atau disebabkan perbuatan melulu atau kecuaiian yang melampau.”.

Pindaan
Jadual.

26. Jadual kepada Akta ibu dalam teks Inggeris adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “commission” dalam perenggan 1 (6) dengan perkataan “omission”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976.

1. *Fasal 2*, selain daripada memperkenalkan takrif baru bagi “kenderaan” juga bertujuan meminda takrif “minyak kelapa sawit.”.

2. *Fasal 5* bertujuan membolehkan Lembaga mengkensel lesen dalam keadaan-keadaan jika Lembaga sifatkannya sesuai. Subseksyen baru (6) seksyen 13 menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang menjalankan kegiatan yang mana dia diberi lesen sebaik sahaja lesen itu digantung atau dikensel.

3. *Fasal 6* bertujuan menghendaki ketua eksekutif supaya menyiarkan nama dan alamat pemegang-pemegang lesen yang lesen mereka telah digantung atau dikensel.

4. *Fasal 7* bertujuan membenarkan seseorang pemegang lesen merayu kepada Menteri sekiranya sesuatu lesen dikensel.

5. *Fasal 8* bertujuan memperkenalkan subseksyen baru (3) seksyen 15 bagi membolehkan Lembaga membuat sumbangan kepada mana-mana organisasi, sama ada tempatan atau antarabangsa, bagi tujuan menggalakkan pemasaran keluaran kelapa sawit.

6. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 23 untuk membenarkan Merinyu Minyak Kelapa Sawit atau pegawai kastam menyita mana-mana keluaran kelapa sawit, kenderaan, jentera, perekaan atau kelengkapan yang semunasabahnya dipercayai dapat memberi keterangan terhadap pelanggaran Akta itu. Kini, seseorang Merinyu Minyak Kelapa Sawit atau pegawai kastam hanya boleh menyita mana-mana kereta, buku, dokumen atau barang-barang lain di premis yang digeledah sahaja.

7. *Fasal 11* bertujuan memperkenalkan seksyen baru 24A bagi membuat peruntukan mengenai mana-mana keluaran kelapa sawit, kenderaan, jentera, perekaan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang-barang lain supaya dilak jika tidak praktikal untuk memindahkannya dari premis. Subseksyen (2) menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang memecahkan mana-mana lak yang dikenakan di bawah subseksyen (1).

8. *Fasal 12* bertujuan meminda seksyen 25 (1) bagi membenarkan disita keluaran kelapa sawit, jentera, perekaan, kelengkapan dan rekod yang dibawa dengan kenderaan yang mungkin telah digunakan dengan melanggar Akta. Kini, hanya buku, dokumen atau barang-barang lain boleh disita di bawah seksyen 25.

9. *Fasal 13* bertujuan meminda seksyen 26 bagi membenarkan diserahkan kepada penghuni premis yang telah digeledah atau kepada ejen atau pengkhidmatnya di premis atau kepada orang yang secara fizikal mengawal kenderaan suatu senarai benda-benda yang disita oleh pegawai penyita. Ia juga bertujuan membenarkan seseorang pegawai penyita melekatkan pada premis yang digeledah itu suatu senarai barang-barang yang digeledah jika premis itu tidak didiami. Kehendak-kehendak untuk memberi notis tentang penyitaan dan alasan-alasannya di bawah peruntukan-peruntukan yang sedia ada telah dipotong.

10. *Fasal 14* memperkenalkan seksyen baru 27A bagi membenarkan mahkamah buat sementara memulangkan apa-apa kenderaan, jentera, perekaan atau kelengkapan kepada pemunya atau kepada orang yang dari milikan, jagaan atau kawalannya ia disita setelah jaminan yang memadai diberi.

11. *Fasal 15, 16, 17 dan 19* adalah berbangkit kepada pindaan-pindaan seksyen 23 dan 25.

12. *Fasal 18* memperkenalkan seksyen baru 30A bagi memperuntukkan dilepaskan mana-mana keluaran kelapa sawit atau hasil dari jualannya, kenderaan, jentera, perekaan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang-barang lain jika tiada pendakwaan dimulakan dalam tempoh yang ditetapkan dalam seksyen 29.

13. *Fasal 20* bertujuan menggantikan minyak kelapa sawit dengan keluaran kelapa sawit bagi maksud pemeriksaan atau pengujian mengikut kadar yang ditetapkan dalam seksyen 33.

14. *Fasal 21* bertujuan memperkenalkan tiga subseksyen baru dalam seksyen 34 untuk memberi kuasa kepada Merinyu Minyak Kelapa Sawit atau pegawai kastam membuat salinan atau cabutan dari buku atau dokumen yang hendak disifatkan sebagai salinan dan cabutan benar dan betul dari salinan asal dan yang boleh diterima sebagai keterangan. Subseksyen (4) dan (5) adalah berhubungan dengan perekodan pernyataan oleh Merinyu Minyak Kelapa Sawit atau pegawai kastam.

15. Seksyen baru 35A sebagaimana yang diperkenalkan melalui *fasal 22* menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang mengubah mana-mana lesen, buku, rekod atau dokumen lain yang dikeluarkan atau dikehendaki disimpan di bawah Akta.

16. *Fasal 23* bertujuan memperkenalkan seksyen baru 35B bagi menghendaki seseorang Merinyu Minyak Kelapa Sawit supaya menyatakan jawatan dan kuasanya apabila menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Akta.

17. Seksyen baru 36A sebagaimana yang diperkenalkan melalui *Fasal 24* menjadikannya suatu kesalahan, antara lain bagi mana-mana orang menyerang atau menghalang seseorang Merinyu Minyak Kelapa Sawit atau pegawai kastam dalam menjalankan kuasa-kuasa dan tugas-tugasnya di bawah Akta.

18. *Fasal 25* bertujuan memperuntukkan perlindungan bagi ketua eksekutif, pegawai-pegawai Lembaga dan pegawai-pegawai kastam terhadap guaman yang timbul dari kerugian atau

**LEMBAGA PENDAFTARAN DAN PELESENAN
MINYAK KELAPA SAWIT (PEMERBADANAN)
(PINDAAN)**

15

kerosakan kepada mana-mana orang berikutan dengan pelaksanaan kuasa-kuasa dan tugas-tugas mereka di bawah Akta ini.

19. Lain-lain pindaan adalah jenis yang berbangkit atau yang kecil.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1534.]

